



**KETUA PENGARAH**  
**DIRECTOR GENERAL**  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
**NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY**  
Kementerian Dalam Negeri  
*Ministry of Home Affairs*  
Jalan Maktab Perguruan Islam  
43000 KAJANG  
SELANGOR, MALAYSIA



Tel: 603-8911 2221  
Faks (Fax): 603-8926 2023  
Laman Web (Web): [www.adk.gov.my](http://www.adk.gov.my)

Rujukan : ADK 60/1/1 Jld.18 ( 26 )  
Tarikh : 14 Disember 2018

**Para Penyelidik,  
Universiti Awam/ Universiti Swasta/ Pihak Perunding**

YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN DAN PELAWAAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN SAINTIFIK  
DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan dalam bentuk Geran Penyelidikan Ilmiah bagi melaksanakan kajian-kajian berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia.

3. Geran Penyelidikan Ilmiah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik profesional menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan yang relevan dengan permasalahan dadah negara serta menghasilkan suatu penemuan baharu yang meningkatkan mutu perkhidmatan AADK kepada rakyat serta meningkatkan keberhasilan program yang dijalankan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dijemput dan dipelawa bagi menjalankan kajian saintifik dan penyelidikan menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK Tahun 2019 berpandukan **Syarat Dan Skop Kajian Saintifik Dan Penyelidikan** yang telah ditetapkan iaitu **seperti di Lampiran A**. YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan juga diminta untuk mengemukakan **Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK seperti di Lampiran B** kepada pihak urusetia. **Tempoh tawaran dibuka untuk permohonan ini adalah mulai**

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. MARILAH BERTINDAK SEGERA.  
*Eradicating Drug Abuse Is Our Collective Responsibility. Lets Act Now.*



**17 Disember 2018 (Isnin) sehingga 31 Januari 2019 (Khamis) pukul 5.30 petang.**

5. Untuk makluman, AADK akan menganjurkan satu sesi taklimat bersama semua penyelidik atau wakil daripada pihak universiti yang berminat pada bulan Januari 2019. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi penerangan mengenai halatuju Kajian Penyelidikan Ilmiah Sesi 2019. YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan akan dimaklumkan dari masa ke semasa berkaitan tarikh, masa dan tempat sesi taklimat tersebut akan diadakan. Pengumuman mengenai perkara ini juga akan dibuat di laman web rasmi AADK iaitu di [www.adk.gov.my](http://www.adk.gov.my)

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai-pegawai di Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan seperti berikut:-

**6.1 Puan Hafidah Binti Maasom di talian 019-600 1206;**

**6.2 Puan Nurshuhaila Binti A. Rahman di talian 03-8911 2267;**  
**atau**

**6.3 Puan Zalehan Binti Tajuddin di talian 03-8911 2286**

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Datin/ YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya Yang Menjalankan Amanah

**(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP**

Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

s.k.

1. YBrs. Dr. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
2. YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
3. YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
4. Semua Pengarah Bahagian
5. Penasihat Undang-Undang
6. Pengarah PLAK
7. Semua Pengarah Negeri / CCVC / CCRC / Klinik Cure and Care
8. Semua Ketua Penolong Pengarah
9. PRO
10. Fail